


Headline	Floria kosmetik halal di pasaran tahun depan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	115,967
Page No	52	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	178 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,548
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,644



MOHD. ZUL HELMI menunjukkan produk Floria di Kuala Lumpur semalam.

## Floria kosmetik halal di pasaran tahun depan

**KUALA LUMPUR** - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bakal memasarkan set produk kosmetik dan penjagaan kulit halal jenama Floria pada tahun depan.

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan UMT, Prof. Madya Dr. Mohd. Zul Helmi Rozaini berkata, projek tersebut masih dalam peringkat perbincangan.

Pihaknya juga sedang bekerjasama dengan beberapa agensi seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia.

"Floria merupakan inovasi produk penjagaan kulit kosme-seutikal atau kosmetik perubahan hibrid yang mana ia mem-

punyai dua fungsi penggunaan iaitu melembabkan kulit dan bersifat antiseptik.

"Produk halal ini sangat sesuai untuk kegunaan orang dewasa, kanak-kanak dan bayi, khususnya kepada pengguna yang beragama Islam," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Mohd. Zul Helmi menjelaskan, produk Floria dihasilkan menggunakan gabungan nanoteknologi dan ekstrak tumbuh-tumbuhan herba seperti pokok cucur atap yang tumbuh meliar di sepanjang kawasan perairan Kuala Terengganu.

Jelasnya, produk Floria selamat digunakan kerana tidak mengandungi steroid, bebas paraben, toksik dan alkohol.